

11/06/2001

Dr Mahathir, Arroyo beri ucapnama Forum Kepimpinan Asia

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Gloria Macagapal Arroyo ialah dua ketua negara di rantau ini yang akan berucap dalam Forum Kepimpinan Asia Ke Sepuluh anjuran BusinessWeek Executive Programs Asia.

Forum yang akan dianjurkan pada 27 Jun dan 28 Jun ini di Kuala Lumpur itu membawa tema Memenuhi Cabaran Kepimpinan Global: Membangun dan Mengekalkan Stategi Pertumbuhan.

"Tema itu dirasakan sesuai dengan angin perubahan yang sedang melanda Malaysia dan negara Asia lain berikutan krisis ekonomi Asia," kata Business Week dalam kenyataan yang di keluarkan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ini kerana beberapa tahun kebelakangan ini rantau Asia melalui perubahan dramatik dari segi ekonomi dan pasaran yang menjejaskan syarikat dalam pelbagai sektor perniagaan.

Selain itu katanya ledakan teknologi yang semakin mempengaruhi strategi perniagaan menyebabkan penilaian semula dasar dan objektif perniagaan dalam sektor kerajaan, awam dan swasta perlu dilakukan semula.

Antara cabaran yang perlu dititik beratkan ialah keupayaan untuk menentu dan menguruskan strategi pertumbuhan untuk memastikannya kekal walau pada masa sukar.

Forum itu diharap dapat membantu mengenal pasti keperluan masa depan dengan membincang dan menilai semula suasana politik, ekonomi, sosial dan teknologi di rantau Asia.

Selain Dr Mahathir dan Arroyo, penceramah lain yang turut berucap ialah bekas Perdana Menteri Britain, John Major; bekas presiden republik Filipina, Fidel Ramos dan Menteri Kanan Ekonomi, Kewangan dan Industri Indonesia, Dr Rizal Ramli.

Turut berucap Menteri Hal Ehwal Parlimen dan Teknologi Maklumat India, Pramod Mahajan; Timbalan Menteri Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kewangan Jepun, Haruhiko Kuroda dan Pemangku Menteri Alam Sekitar dan Menteri Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Teknologi Maklumat Singapura, Lim Swee Say.

Ia akan dipengerusikan Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia, Dr Supachai Panitchpakdi.

Forum Kepimpinan Asia ialah sebahagian daripada siri persidangan perniagaan untuk eksekutif kanan yang dianjurkan Business Week.

(END)